



# Perbadanan MAINS

(Ditubuhkan dibawah Enakmen Perbadanan MAINS 2021)

Aras 12, Sayap Selatan, Menara MAINS

Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-7652900 Faks: 06-7652906 E-mel: [info@mainscorp.com](mailto:info@mainscorp.com)

## NOTIS TAWARAN TENDER

### PERBADANAN MAINS

No. Tender	Tajuk Kerja	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen Tender	Tarikh & Tempat Tender Ditutup
PM/PKL/2025	CADANGAN PEMBANGUNAN 31 UNIT KEDAI/PEJABAT DI ATAS LOT 38153 - 38193 DAN SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN DI MUKIM LABU, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS	Berdaftar dengan LPIPM (CIDB) i)CIDB : G7 Pengkhususan: B04 & CE21	Aras 12, Sayap Selatan, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan  Tarikh: 9 Jun 2025 (Isnin)  Sehingga 16 Jun 2025 (Isnin)	Aras 12, Sayap Selatan, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan  Tarikh: 23 Jun 2025 (Isnin)  Sebelum 12:00 Tengahari

Taklimat projek dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Berkumpul di Bilik Mesyuarat Perbadanan MAINS, Aras 12, Sayap Selatan, Menara MAINS pada 9 Jun 2025 (Isnin) jam 10.00 pagi.

### KENYATAAN TENDER

#### KAEDAH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER:

**HARGA DOKUMEN TENDER = RM 100.00, Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja (tidak dikembalikan)**

Pembelian Dokumen Tender secara atas talian - petender perlu bank-in (*Instant Transfer*) ke akaun Bank Islam 05012010099797 di atas nama Perbadanan MAINS dan hantar bukti pembayaran melalui e-mel ke [kesuma@mainscorp.com](mailto:kesuma@mainscorp.com)

Bukti Pembayaran (Slip Bank-in) perlu disertakan dengan nama syarikat petender / nama e-mel syarikat rasmi sahaja / nama & nombor yang boleh dihubungi. Setelah pengesahan pembayaran, Seksyen Perolehan akan menyerahkan Dokumen Tender dalam bentuk "USB Pendrive" kepada petender.

- Petender dikehendaki mendaftar profil syarikat sebelum dibenarkan menyertai tawaran tender serta mengemukakan dokumen tender di pautan laman web Perbadanan MAINS.
  - Melawat laman web Perbadanan MAINS : [mainscorp.com](http://mainscorp.com)
  - Pada menu atas, pilih Perkhidmatan > Projek > Borang Pendaftaran Kontraktor
  - Mengisi maklumat-maklumat yang dikehendaki dengan lengkap dan tepat
  - 'Scan' dokumen/sijil yang dikehendaki.
- Pembelian Dokumen Tender hanya dijual kepada petender yang berdaftar seperti di bawah :
  - Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - Sijil Perakuan Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (LPIPM)
  - Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (LPIPM)
  - Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)
- Sekiranya wakil kontraktor yang hadir untuk pembelian dokumen tender, perlu mengemukakan sesalinan Surat Perwakilan Kuasa berserta sijil-sijil seperti di atas.
- Petender ADALAH DILARANG untuk membuat sebarang pakatan harga / kartel dengan syarikat-syarikat lain sehingga proses tender selesai dilaksanakan.
- Dokumen tender yang telah dicetak (Jilid 1), diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di Perbadanan MAINS, Aras 12, Sayap Selatan, Menara MAINS. Nombor tender dan juga tajuk kerja hendaklah ditulis di sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Dokumen tender hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
- Petender hendaklah memberikan bukti keupayaan dalam penyata bank (3) tiga bulan (Mac 2025, April 2025 & Mei 2025) Berserta Laporan Beraudit (3) tahun berakhir yang disahkan asal disertakan bersama Dokumen Tender.
- Dokumen Tender hendaklah diisi menggunakan pen dakwat hitam / biru. Setiap kesilapan pada borang tender hendaklah ditandatangani ringkas. Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (*liquid paper*).
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja adalah tanggungjawab petender sendiri.